

LAWATAN TAPAK CADANGAN PEMBINAAN BLOK WANITA DAN KANAK-KANAK DAN PUSAT KARDIOLOGI BAGI HOSPITAL RAJA PERMAISURI BAINUN, IPOH (HRPB) PERAK

IPOH, PERAK – Hari ini YB Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya Malaysia mengadakan lawatan kerja meninjau kemajuan kerja Projek Pembinaan Blok Wanita Dan Kanak-Kanak Dan Pusat Kardiologi Bagi Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), Ipoh, Perak.

Projek ini telah diluluskan di Bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RM10) dan merupakan usaha kerajaan untuk mempertingkatkan taraf kesihatan rakyat. Antara skop projek ini ialah :-

- i. Pembinaan satu blok bangunan hospital 10 tingkat untuk wanita, kanak-kanak dan kardiologi yang menempatkan 404 katil;
- ii. 6 bilik bedah terdiri dari 2 bilik bedah untuk O&G, 2 bilik bedah untuk pembedahan am dan 2 bilik bedah untuk pembangunan masa depan;
- iii. 18 bilik bersalin;
- iv. Peralatan x-ray dan *machine angio*;
- v. Kemudahan lain yang disediakan dalam projek ini adalah 12 bil lif, 2 *dumbwaiter*, 316 lot parkir kereta dan 139 lot parkir motosikal.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L : 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  [Kementerian Kerja Raya](#) |  [@MOWorks](#) |  Pro@kk.gov.my

Kontraktor yang terlibat dalam projek pembinaan blok baru HRPB telah dianugerahkan kepada Kamalbina Sdn. Bhd. dengan kos kontrak sebanyak RM 237juta. Bagi kerja-kerja mekanikal, peralatan perubatan dan sistem gas perubatan dilaksanakan oleh Rasma Corporation. Manakala kontraktor bagi kerja-kerja sistem elektrik adalah Shaman Sdn. Bhd. Projek ini telah diberi milik tapak pada 1 Ogos 2013. Tempoh pembinaan selama 3 tahun 6 bulan dan tarikh siap asal pada 31 Januari 2017.

Tiga lanjutan masa sehingga 24 September 2018 telah diluluskan mengikut syarat-syarat kontrak atas sebab teknikal di tapak projek. Kemajuan kerja terkini adalah 93 peratus sebenar berbanding 98 peratus yang dijadualkan iaitu lewat 5 peratus. Projek ini dijangka dapat disiapkan sepenuhnya pada akhir Disember 2018.

Adalah diharapkan dengan lawatan tapak yang diadakan oleh YB Menteri Kerja Raya membolehkan isu-isu berkaitan pembinaan HRPB dapat dikenalpasti. Ini bertujuan untuk membolehkan pembangunan kepada masyarakat kawasan sekitar Ipoh khususnya dan Perak amnya meningkat dalam usaha memperbaiki kualiti hidup masyarakat sekitar.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
13 SEPTEMBER 2018

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  [Kementerian Kerja Raya](#) |  [@MOWorks](#) |  Pro@kk.gov.my